

Zakat info



زكاة قريهاتين
Zakat Pribatin

Edisi Khas



PROGRAM Nur Ramadhan 1437 HIJRAH

Saban tahun Zakat Pulau Pinang Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang telah mengadakan Program Nur Ramadhan dimana dalam program ini ZPP akan mengagihkan bantuan kepada fakir miskin dalam bentuk wang tunai, beras dan barangan kelengkapan harian. Dengan adanya dana yang terkumpul yakni hasil kutipan dari pembayar zakat membolehkan asnaf meraihan kedatangan Ramadhan dengan penuh kesyukuran dan kegembiraan.

Program siri 1 telah diadakan pada 31 Mei 2016 (Selasa) bertempat di Dewan Millenium, Kepala Batas. Program telah dirasmikan oleh T.Y.T Tun Dato' Seri Utama (Dr.) Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang. Untuk program siri 1 ini, seramai 1,838 orang asnaf sekitar Seberang Perai Utara, Seberang Perai Tengah dan Seberang Perai Selatan menerima bantuan tersebut dengan nilai agihan sebanyak RM1,231,460.00.

Manakala program siri ke-2 telah diadakan pada 2 Jun 2016 (Khamis) di Dewan Tapak Pesta, Sungai Nibong. Dalam majlis ini seramai 740 orang asnaf sekitar Barat Daya dan Timur laut menerima bantuan dengan nilai agihan sebanyak RM495,800.00. Turut sama dalam program ini adalah 2 syarikat korporat menunaikan kewajipan mereka dengan membuat pembayaran zakat korporat bagi haul 2015 dengan Telekom Malaysia Bhd membuat pembayaran sebanyak RM179,130.00 manakala QSR Brand (M) Sdn Bhd sebanyak RM249,729.85. Majlis telah disempurnakan oleh Ahli Lembaga Pengarah ZPP, YBhg. Dato' Dr. Mustapha Kamal bin Yusof.

Pada tahun ini, jumlah keseluruhan yang telah diagihkan sempena bulan Ramadhan adalah sebanyak RM6,629,200.00. Moga lebih ramai asnaf yang menerima manfaat zakat yang kita telah tunaikan. Terima kasih pembayar zakat. Zakat ditunai asnaf terbelah.

Keluaran Khas Jun 2016 | www.zakatpenang.com



ZAKAT PULAU PINANG

Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang
No.4 Jalan Perda Selatan, Bandar Perda,
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang.
Tel: 04-549 8088 Faks: 04-530 6466

زكاة قريهاتين Zakat Pribatin

www.zakatpenang.com



www.facebook.com/zakatpulaupinang

PERCUMA

PROG

Nur Ra



1437 H

**DEWAN MILLENIUM
31 MEI 2016**



GRAM

madhan



JIJRAH

TAPAK PESTA, SG NIBONG
2 JUN 2016





Majlis Pentauliahan Amil Zakat Fitrah Pulau Pinang Bagi Tahun 2016 bersamaan 1437H

Tarikh: **19 MEI 2016 (KHAMIS)**

Masa: **9.30 PAGI - 12.00 TENGAHARI**

Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN) Bukit Mertajam, Pulau Pinang.

Dipengerusikan Oleh
YB. DATO HAJI MOHD SALLEH BIN MANA
Yang Di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang

MAJLIS PENTAULIAHAN Amil Zakat Fitrah

19 Mei 2016, Bukit Mertajam – Zakat Pulau Pinang telah mengadakan Majlis Pentauliahan Amil Zakat Fitrah yang diadakan di Dewan Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara Bukit Mertajam yang melibatkan 232 qaryah dan 1702 orang amil di seluruh Pulau Pinang. Turut sama adalah pembayaran zakat korporat oleh tiga syarikat korporat iaitu

Projek Lebu Raya Usahasama Berhad (PLUS) sebanyak RM698,207.00, Bank Islam Malaysia Bhd (BIMB) sebanyak RM165,244.65 dan Celcom sebanyak RM60,954.00. Majlis telah disempurnakan oleh YDP Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang, YB Dato' Haji Mohd Salleh Bin Man.

